

# DYNADRYL SYRUP

Diphenhydramine hydrochloride/Ammonium chloride/Sodium citrate (14mg/135mg/57mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DYNADRYL SYRUP
2. Bagaimana DYNADRYL SYRUP berfungsi
3. Sebelum menggunakan DYNADRYL SYRUP
4. Cara menggunakan DYNADRYL SYRUP
5. Semasa menggunakan DYNADRYL SYRUP
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DYNADRYL SYRUP
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan DYNADRYL SYRUP

DYNADRYL SYRUP digunakan untuk merawat batuk yang mengganggu, hidung tersumbat dan sesak nafas yang berkaitan dengan selsema dan alahan.

## Bagaimana DYNADRYL SYRUP berfungsi

Diphenhydramine menyekat refleks batuk melalui kesan secara langsung ke atas pusat batuk di dalam otak. Ia juga bertindak dengan menyekat sesetengah bahan semulajadi (histamina) yang dihasilkan oleh badan semasa alahan. Tindakan antihistamina menghasilkan kesan pengeringan dalam hidung. Ia mengurangkan rangsangan vestibular (proses menghantar mesej elektrik khusus untuk saraf dalam telinga yang mengekalkan keseimbangan) dan menekan fungsi labirin (pendengaran dan keseimbangan). Tindakan pada zon rangsangan otak juga terlibat di dalam kesan *antiemetic* (muntah dan loya). Ammonium Chloride mempunyai tindakan perengsa pada lapisan gastrik dan boleh menyumbang kepada tindakan ekspektoran (untuk mencairkan dan mengeluarkan mucus dari saluran pernafasan). Sodium Citrate apabila digunakan bersama dengan Ammonium Chloride boleh meningkatkan tindakan ekspektoran.

## Sebelum menggunakan DYNADRYL SYRUP

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Tidak boleh digunakan pada bayi yang baru lahir atau bayi pra-matang dan pada ibu yang menyusukan anak.

Ia tidak boleh digunakan untuk merawat gejala pada saluran pernafasan bawah termasuk asma. Ia juga tidak boleh digunakan dalam kes-kes hipersensitiviti kepada Diphenhydramine, antihistamina lain atau bahan lain yang tersenarai di akhir risalah ini.

Tidak boleh digunakan pada kanak-kanak kurang daripada 2 tahun. Perlu berhati-hati dan dapatkan nasihat doktor bagi kanak-kanak berusia 2 hingga 6 tahun.

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Jangan ambil DYNADRYL SYRUP jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil DYNADRYL SYRUP jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

## - *Sebelum menggunakan DYNADRYL SYRUP*

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai masalah berikut:

- Sejarah asma
- Peningkatan tekanan dalam mata
- Kelenjar tiroid yang terlalu aktif
- Penyakit kardiovaskular (penyakit jantung atau saluran darah)
- Tekanan darah tinggi
- Pengekalan kencing
- Pembesaran prostat
- Sesak nafas

## - *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan DYNADRYL SYRUP

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa:

1-2 sudu teh (5 ml hingga 10 ml) 3 hingga 4 kali sehari.

Kanak-kanak 2 hingga 12 tahun :

½ hingga 1 sudu teh (2.5 ml hingga 5 ml). 3 hingga 4 kali sehari.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin boleh menyebabkan depresi atau rangsangan sistem saraf pusat. Kesan rangsangan lebih berkemungkinan berlaku pada kanak-kanak. Tanda dan gejala seperti atropine seperti mulut kering, pembesaran anak mata, memerah dan simptom gastrousus mungkin berlaku.

## Semasa menggunakan DYNADRYL SYRUP

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DYNADRYL SYRUP.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

**- Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi DYNADRYL SYRUP kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

**- Perkara yang perlu diberi perhatian**

**Memandu dan menggunakan jentera**

Ubat ini boleh menyebabkan kesan mengantuk. Jika ini berlaku, anda tidak boleh memandu atau mengendalikan jentera.

Elakkan minuman beralkohol.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, DYNADRYL SYRUP boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan yang lebih kerap adalah sedasi, mengantuk, pening, gangguan koordinasi, kerengsaan perut dan pemekatan rembesan saluran pernafasan. Kesan sampingan yang kurang kerap adalah hipersensitiviti, ruam, mulut kering, cepat marah, kesukaran untuk tidur, keterujaan terlampau, kabur penglihatan, *tinnitus* (bunyi bising atau deringan dalam telinga), gayat, radang saraf, dan konvulsi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI*)

**Cara penyimpanan dan pelupusan  
DYNADRYL SYRUP**

**- Penyimpanan**

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Pastikan bekas bertutup rapat

Simpan di tempat kering bawah 25°C

Lindungi daripada cahaya

**- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

**- Rupa dan warna produk**

Sirap berwarna coklat gelap dengan perisa raspberi dan plum

**- Bahan-bahan kandungan**

**- Bahan-bahan aktif**

Setiap 5ml mengandungi:  
Diphenhydramine hydrochloride 14 mg;  
Ammonium chloride 135 mg;  
Sodium Citrate 57 mg

**- Bahan-bahan tidak aktif**

Methyl Paraben, Propyl Paraben, Sodium Benzoate, Sodium Saccharin, Gula, Liquid Glucose, Citric Acid, Propylene Glycol, Menthol Crystal, Glycerin, Raspberry Flavour, Plum Flavour, Liquid Caramel & Deionised Water.

**- Nombor MAL**

MAL19910827AZ

**Pengilang dan Pemegang**

**Pendaftaran**

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

07/03/2017

**Nombor siri:**

BPFK(R4/1)070317/00016